



**SMA SAADAH ALDINIAH ALISLAMIAH
SUNGAI LIMAU DALAM, 06910 YAN
KEDAH DARUL AMAN.
No. Tel/Fax: 04-7694233
Email: smasaadah.ppdkmy@gmail.com
MOTO: BERILMU, BERAMAL DAN BERTAKWA**

PENGENALAN

Sekolah Menengah Agama Saadah Al-Diniah Al-Islamiah, Sungai Limau Dalam, Yan, Kedah Darul Aman merupakan Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK) di bawah pentadbiran Bahagian Pendidikan Islam (BPI) Kementerian Pelajaran Malaysia.

Sekolah ini mempunyai 29 orang guru dan 7 orang anggota kakitangan Bukan Guru. Tenaga pengajar berkelulusan Akademik dan Agama dari pelbagai Universiti dan Sijil Tinggi Persekolah Malaysia (STPM) serta Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Guru-Guru ini juga mengikuti pengajian KPLI di Institut-Institut Pengurusan.

Pelajar-pelajar di sekolah ini seramai 396 orang yang terdiri dari tingkatan 1 hingga tingkatan 6 (STAM) yang mempunyai 11 kelas. Setiap tingkatan mempunyai 2 kelas iaitu 1 AlFarabi dan 1 IbnuSina.

Pasarana sekolah ini mempunyai Bangunan Pentadbiran, Kelas, Perpustakaan, Kantin, makmal, Dewan, Bilik Makmal dan Asrama Lelaki dan Asrama wanita.

Sekolah diawasi oleh Lembaga Tadbir Sekolah dan Persatuan Ibubapa Dan Guru (PIBG) sentiasa mengambil berat tentang pentadbiran, pendidikan dan kedudukan sekolah pada masa kini.

SEJARAH

Sekolah Menengah Agama Rakyat dan ditubuhkan pada tahun 1959 sejak 51 tahun yang lalu. Terletak di Pekan Sungai Limau Dalam, Yan, 9 km dari Pekan Yan dan 30 km dari Bandaraya Alor Setar.

Sekolah ini diasaskan oleh sekumpulan pemimpin masyarakat yang menyedari bahawa perlunya sebuah Sekolah Agama didirikan pada ketika itu memandangkan ketiadaan sekolah seumpama ini bagi membolehkan pelajar-pelajar melanjutkan pelajaran di peringkat menengah dan jika ada pun agak jauh serta menghadapi masalah pengangkutan.

Pada Jun 2005, pihak sekolah telah bersetuju untuk menandatangani MOU dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Melalui perjanjian ini, sekolah akan diberi bantuan penuh oleh kerajaan dan dikenali sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). Di negeri kedah, terdapat 14 buah sekolah Agama Rakyat yang telah menandatangani MOU tersebut dan diberi bantuan.

MAKLUMAT KAKITANGAN SEKOLAH

MAKLUMAT GURU	
Nama	Jawatan
1. Hj Ahmad Bin Bakar	Pengetua
2. Ahmad Dusukhi Bin Othman	Pen. Kanan 1
3. Ahmad Roshidi Bin Hashim	PK HEM
4. Mohd Zainon Bin Puteh	GK Koko
5. Rohaida Binti Abdul Rahim	GK Teknik & Vokasional
6. Noratifah Binti Abdul Wahab	GK Kemanusiaan
7. Nur Hafidzah Binti Yaakob	GK P. Islam
8. Nooriah Binti Ayub	GK Bahasa
9. Mohd Akmaluddin Bin Yahaya	GK Data
10. Mohd Fakrurazi Bin Ghazali	Guru Penolong
11. Mohd Fauzi Bin Mansor	Guru Penolong
12. Zahari Bin Ahmad	Guru Penolong
13. Ghazali Bin Ishak	Guru Penolong

14. Mohd Suhaimi Bin Ghazali	Guru Penolong
15. Haszeliza Binti Abdul Halim	Guru Penolong
16. Mahani Bin Ramli	Guru Penolong
17. Mardhiah Binti Mohamad Salleh	Guru Penolong
18. Abdul Rahim Bin Abdullah	Guru Penolong
19. Nor Azah Bt Abdul Halim @ Yaakob	Guru Penolong
20. Nor Faezah Binti Aziz	Guru Penolong
21. Noorhayah Binti Che Halim	Guru Penolong
22. Norhazami Binti Yusop	Guru Penolong
23. Rosnah Binti Othman	Guru Penolong
24. Shuhaily Binti Abdul	Guru Penolong
25. Siti Mariam Binti Jaafar	Guru Penolong
26. Syahida Binti Omar	Guru Penolong
27. Yusra Binti Md Ramli	Kaunselor
28. Murdiana Binti Musa @ Munir	Guru Penolong
29. Nurul Hanna Binti Ismail	Guru Penolong

MAKLUMAT ANGGOTA SOKONGAN	
Nama	Jawatan
1. Yahaya Bin Saman	P. Tadbir
2. Romli Bin Harun	P. Asrama
3. Mohd Nazri Bin Shafie	P. T. Rendah
4. Mohd Juraij Bin Yahaya	P/ Tadbir
5. Rosmannizar Bin Radzi	P. Makmal
6. Mohamad Adli Bin Yaakob	P. Makmal
7. Salmah Bt. Abdullah	PAP

PENCAPAIAN AKADEMIK

Pencapaian Akademik pelajar SMASDI dalam peperiksaan Penilaian Penengah Rendah (PMR), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) bagi Tahun 2009:-

1. Penilaian Menengah Rendah (PMR)

1.1. 8A 1 orang

1.2. 7A 3 orang

2. **Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)**

2.1. 5A 2 orang

3. **Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)**

1.1. Jayyid Jiddan

PENCAPAIAN KO KURIKULUM

Pencapaian Ko Kurikulum oleh pelajar-pekajar di sekolah ini menunjukkan prestasi yang baik di kalangan pelajar yang bergiat dalam pelbagai bidang daripada peringkat kebangsaan, Negeri, Zon dan Daerah. Penglibatan pelajar-pelajar ini adalah seperti berikut:

1. Johan Perseorangan Ping Pong Peringkat Negeri.
2. Tempat ke tiga dan keempat Ping Pong Peringkat Kebangsaan.
3. Naib Johan Hafalan/Terjemahan Bahasa Arab Peringkat Negeri dan Johan Peringkat Zon.
4. Pengisahan Kenegaraan Peringkat Negeri Kedah.
5. Wakil Kalimatul Sobah Peringkat Negeri.
6. Wakil Hiwar Peringkat Negeri
7. Ketiga Pertandingan Syarahan Peringkat Zon.
8. Naib Johan Pidato Peringkat Zon
9. Naib Johan Tilawah Al-Quran Peringkat Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Muda/Yan.

ANUGERAH YANG DI TERIMA DAN PENCAPAIAN CEMERLANG

Sekolah ini masih baru walaupun ditubuhkan sejak tahun 1959. Setelah menandatangani MOU dengan KPM pada tahun 2006, pencapaian sekolah belum layak mendapat anugerah dan pencapaian cemerlang pada 3 tahun ini.

Ini oleh kerana sekolah ini belum mampu untuk ke arah tersebut, namun demikian sekolah ini sentiasa mengandakan usaha supaya sekolah ini mampu menerima anugerah atau cemerlang pada masa akan datang.

KEJAYAAN BEKAS PELAJAR DALAM BIDANG KERJAYA

Walaupun sekolah ini di kawasan luar bandar, namun pelajarnya mampu untuk menunjukkan preastasi peperiksaan dengan baik tetapi sebilangan kecil berjaya. Apa pun kejayaan yang dicapai amat memeransangkan setelah meninggalkan sekolah terus mengejar kejayaan dalam pelbagai bidang kejaya seperti profesional, Perniagaan, Akademik dan Keagamaan. Di senaraikan kejayaan bekas-bekas pelajar dalam bidang kejaya seperti berikut:-

1. Pensyarah Universiti Institut Teknologi Mara (UITM)
2. Penguam Syarie
3. Ahli Perniagaan
4. Kaunselor
5. Kontraktor

PENUTUP

Sekolah Menengah Agama Saadah Al-Diniah Al-Islamiah asalnya merupakan sebuah Sekolah agama yang ditubuhkan kerana kehendak ibubapa yang mahukan anak-anak mereka didalami ilmu agama dengan lebih mendalam.

Penubuhannya amat wajar bagi melahirkan anak-anak dengan ilmu agama dan juga akademik bagi mengimbangi tuntutan duniawi dan akhirat.

Ketika ini sekolah telah menjadi pilihan ibubapa bukan sekitar Sungai Limau Dalam sahaja tetapi juga seluruh Negara telah memohon untuk menuntut di sekolah ini yang diberikan bantuan penuh kerajaan persekutuan.

PANORAMA SEKOLAH SMA SAADAH DINIAH



